

21/1
Sejarah
Ogos
1 1/4 jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2010

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan objektif.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat cadangan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih dan tandakan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian sejarah.

X
Sejarah membicarakan tentang masyarakat manusia atau peradaban manusia, tentang perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu.

Siapakah tokoh sejarawan X?

- A Herodotus
- B Ibn Khaldun
- C Abdul Hadi Hassan
- D Muhd. Yusof Ibrahim

- 2

Perak Man ialah rangka manusia yang dijumpai di Gua Gunung Runtuh pada tahun 1990

Penemuan tersebut mewakili zaman

- A Paleolitik
- B Neolitik
- C Mesolitik
- D Logam

- 3 Senarai berikut merujuk kepada ciri-ciri kerajaan awal di Asia Tenggara.

Kerajaan	Ciri-ciri
X	<ul style="list-style-type: none"> * Pusat kerajaan terletak di Vyadhapura * Raja pertamanya Kaundinya * Punca air diperoleh daripada Sg. Mekong

Kerajaan X ialah

- A Angkor
- B Funan
- C Srivijaya
- D Champa

- 4 Asal usul nama Melaka diperoleh daripada sumber-sumber berikut, iaitu

- I Mitos Hindu
- II Pedagang Arab
- III Pedagang Cina
- IV Sejarawan Barat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

5 Apakah peranan orang laut di Melaka?

- A Menjaga keselamatan.
- B Mengumpul hasil hutan
- C Menjalankan perintah raja
- D Membawa alat kebesaran

6 Senarai berikut merujuk kepada mata wang yang digunakan di Melaka.

- Calains
 - Wang emas

Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut kepada Melaka?


- A Sistem tukar barang terhapus
- B Taraf hidup penduduk meningkat
- C Menggalakkan kemasukan pedagang
- D Pengeluaran hasil tempatan meningkat

7 Mengapakah bahasa Melayu menjadi bahasa Lingua Franca?

Bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca dalam urusan perdagangan di Melaka pada abad ke-15.

- A Merupakan bahasa antarabangsa
- B Ramai pedagang berbangsa Melayu
- C Pusat pengajian Bahasa Melayu
- D Mudah difahami oleh masyarakat

8 Rajah 1 menunjukkan perluasan kuasa empayar Melaka.



Rajah 1

Bagaimanakah Melaka meluaskan kuasanya terhadap kerajaan tersebut?

- A Penaklukan
- B Perkahwinan
- C Kerahan tenaga
- D Kerelaan pemerintah

[Lihat halaman sebelah

SULIT

9 Maklumat berikut merujuk kepada faktor kejatuhan Melaka pada tahun 1511.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• X• Kedatangan Portugis• Kelemahan kepimpinan |
|--|

Apakah X?

- A Perebutan takhta
 - B Masalah perpaduan
 - C Kemerosotan Melaka
 - D Kebangkitan pemberontak
- 10 Mengapakah kerajaan Johor mengamalkan sistem naungan dalam pentadbirannya?
- A Meluaskan tanah jajahan
 - B Menyebarkan agama Islam
 - C Menjamin keselamatan pedagang
 - D Mengukuhkan kuasa pemerintah
- 11 Mengapakah Kelantan menjalinkan hubungan dengan Siam pada tahun 1818?
- A Meningkatkan hubungan luar
 - B Menggalakkan aktiviti perdagangan
 - C Mengukuhkan pertahanan negara
 - D Menjalinkan hubungan diplomatik
- 12 Senarai berikut merupakan fungsi sungai dalam masyarakat Melayu.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Jalan perhubungan• Jalan pengangkutan• Kegiatan memungut cukai |
|--|

Jenis cukai yang dipungut di tempat tertentu di sepanjang sungai dinamakan cukai

- A bebas kuala
- B labuh batu
- C pelabuhan
- D kepala

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 13 Petikan berikut merujuk kepada kesenian rakyat di Tanah Melayu.

Kesenian rakyat merupakan hasil ciptaan rakyat.
Antaranya ialah seni muzik, seni tari dan seni suara

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan seni suara?

- I Endoi
II Qasidah
III Inang
IV Asyik
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 14 Jadual merujuk kepada adat resam satu etnik di Sarawak.

Etnik	Adat menyimpan tajau
X	<ul style="list-style-type: none"> * Diwarisi secara turun-temurun * Dianggap suci * Berfungsi sebagai harta simpanan

Etnik X ialah

- A Iban
B Penan
C Kayan
D Melanau
- 15 Selepas musim menuai padi etnik Kadazandusun akan menjalankan satu upacara untuk menghormati semangat padi.

Apakah upacara tersebut?

- A Magavau
B Bobohizan
C Kinrohingan
D Pesta Kaamatan

16

Tahun	Tindakan Sultan Abdullah
1791	Cuba menyerang dan mengambil semula Pulau Pinang daripada SHTI.

Apakah punca tindakan baginda?

- A Sultan Abdullah kehilangan kuasa
B SHTI tidak berpegang pada janji
C Penduduk tempatan kehilangan tanah
D Pegawai British berkuasa mengutip cukai

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 17 Mengapakah Belanda menentang tindakan Stamford Raffles membuka Singapura pada tahun 1819?
- A Mengingkari perjanjian
 - B Menjejaskan perdagangan di Betawi
 - C Menggugat keamanan Singapura
 - D Menjaga hubungan dengan Johor

- 18 Mengapakah Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 dikatakan menguntungkan British?
- I Melemahkan kedudukan British
 - II Mendapat sokongan rakyat tempatan
 - III Menguasai laluan perdagangan Selat Melaka
 - IV Mengukuhkan pengaruh di Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Apakah kesan peristiwa berikut terhadap sistem pentadbiran Pahang?

Tahun	Peristiwa
1888	Pembunuhan seorang warga British

- A Penentangan buruh
- B Pelantikan residen British
- C Penyingkiran Sultan Ahmad
- D Perlucutan jawatan wakil British

- 20 Jadual menunjukkan pengenalan Sistem Residen di Negeri-negeri Melayu.

Negeri	Residen
Perak	J.W.W Birch
Selangor	J.G Davidson
Pahang	J.P Rodger
Negeri Sembilan	Martin Lister

Kesan daripada pelaksanaan sistem tersebut negeri-negeri Melayu telah menjadi

- A Wilayah Asingan
 - B Negeri jajahan British
 - C Negeri naungan British
 - D Wilayah yang merdeka
- 21 Bagaimanakah British mengatasi kelemahan Sistem Residen pada tahun 1896?
- A Menubuhkan Durbar
 - B Menghapuskan kuasa Gabenor
 - C Mengembalikan kuasa sultan dan pembesar
 - D Membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

[Lihat halaman sebelah

22 Bagaimanakah British menghalang kemaraan kuasa-kuasa Barat lain ke Negeri-Negeri Melayu Utara sebelum 1909?

- A Menempatkan wakil
- B Menerima bunga emas
- C Menggalakkan perdagangan
- D Menandatangani perjanjian persahabatan

23 Negeri-negeri berikut menjadi negeri naungan British setelah termeterainya

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Perlis • Kedah • Kelantan • Terengganu |
|---|

- A Perjanjian Sulit 1897
- B Perjanjian Bangkok 1909
- C Perjanjian Burney 1826
- D Perjanjian Perisytiharan British-Siam 1902

24 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin III untuk mempertahankan kedaulatan Terengganu?

- A Menggubal perlembagaan negeri
- B Mengekalkan hubungan dengan Siam
- C Membentuk Majlis Mesyuarat Negeri
- D Menjalin hubungan baik dengan British

25 Apakah punca pemberontakan penduduk Sarawak terhadap pemerintahan Pangeran Indera Mahkota?

- A Perebutan lombong emas
- B Menuntut kemerdekaan Sarawak
- C Membantah pembukaan tanah baru
- D Penentangan terhadap sistem cukai

26 Jadual menunjukkan bilangan sekolah semasa pemerintahan Keluarga Brooke di Sarawak.

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	
	1930	1938
Tahun		
Sekolah Anglikan	13	11
Sekolah Katolik	15	27
Sekolah Melayu	24	33
Sekolah Cina	91	144
Sekolah Dayak	1	1

Mengapakah keluarga Brooke tidak menggalakkan pembinaan sekolah untuk orang Dayak?

- A Menjaga kepentingan ekonomi
- B Mengelakkan campur tangan kuasa luar
- C Mengukuhkan kedudukan pemerintah
- D Mengekalkan cara hidup tradisional


[Lihat halaman sebelah

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan British dengan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah

Perjanjian Perlindungan Borneo Utara -1888

Apakah kesan perjanjian berikut kepada British?

- A Mendapat sokongan pembesar
 - B Memelihara kedaulatan negeri
 - C Mengawal hal ehwal luar
 - D Memupuk perpaduan rakyat
- 28 Pada 1 Julai 1915, Syarikat Borneo Utara British telah membina Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri di Sabah. Mengapakah SBUB membina sekolah tersebut?
- A Melatih pegawai pentadbir rendah
 - B Memenuhi tuntutan rakyat pribumi
 - C Menaikkan imej pemimpin tempatan
 - D Meningkatkan taraf pendidikan rakyat
- 29 Rajah 2 merujuk perubahan yang berlaku dalam kaedah melombong bijih timah di Tanah Melayu.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kemasukan imigran Cina
 - B Kedatangan pemodal Eropah
 - C Kemajuan teknologi
 - D Kekurangan buruh
- 30 Apakah kesan daripada penguatkuasaan undang-undang berikut di Tanah Melayu?

Undang-undang Buruh 1912

- A Peningkatan golongan imigran
- B Pertambahan sekolah Tamil
- C Permintaan getah meningkat
- D Pembukaan ladang-ladang getah

[Lihat halaman sebelah

- 31 Senarai berikut merupakan tokoh yang mengetuai angkatan tentera Kedah menentang Siam antara 1823 hingga 1838.

- Tunku Abdullah
- Tunku Kudin
- Sultan Ahmad Tajuddin
- Tunku Muhammad Saad

Apakah tujuan penentangan tersebut?

- A Menawan kawasan Siam
 - B Memulihkan ekonomi Kedah
 - C Melumpuhkan ekonomi Siam
 - D Mengembalikan kedaulatan Kedah
- 32 Bagaimanakah British berjaya mematahkan Perang Perak pada tahun 1875?
- A Membina kubu pertahanan
 - B Menubuhkan pasukan khas
 - C Mendapat bantuan ketenteraan
 - D Menggunakan taktik perang gerila
- 33 Mengapakah tempat-tempat berikut menjadi terkenal dalam sejarah tanah air pada awal abad ke-20?

- Pasir Puteh – Kelantan
- Kuala Berang – Terengganu
- Lubuk Terua – Pahang

- A Penemuan artifak sejarah
 - B Pengeluaran hasil galian
 - C Kemunculan tokoh agama
 - D Gerakan menentang penjajah
- 34 Senarai tokoh berikut telah berjasa kepada sejarah perkembangan negara kita.

- Syed Syeikh al-Hadi
- Syeikh Tahir Jalaluddin
- Haji Abbas Muhammad Taha

Apakah sumbangan mereka?

- A Memulakan penentangan secara radikal
- B Membebaskan negara daripada penjajahan
- C Menyemarakkan semangat kebangsaan
- D Menerapkan budaya Timur Tengah

[Lihat halaman sebelah

38 Senarai berikut merupakan cara pentadiran Jepun di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Catuan makanan ▪ Mengutamakan kaisha |
|---|

Apakah dasar ekonomi Jepun?

- A Komersial
- B Dagangan
- C Kawalan
- D Terancang

39 Apakah kesan pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu?

- A Penduduk bersatu padu
- B Peningkatan sumber pertanian
- C Menggalakkan kerjasama kaum
- D Menyemarakkan semangat kebangsaan

40 Rajah 4 merujuk kepada keadaan Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun.




Rajah 4

X adalah

- A Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA)
- B Pentadbiran Tentera British (PTB)
- C Parti Komunis Malaya (PKM)
- D Kesatuan Melayu Muda (KMM)

41 Rajah 5 menunjukkan tujuan penubuhan Malayan Union 1946.



Rajah 5

X adalah

- A mempertahankan Tanah Melayu
- B memajukan ekonomi orang Melayu
- C memperkembangkan perindustrian
- D persiapan ke arah berkerajaan sendiri

[Lihat halaman sebelah

SULIT

38 Senarai berikut merupakan cara pentadiran Jepun di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Catuan makanan ▪ Mengutamakan kaishu |
|---|

Apakah dasar ekonomi Jepun?

- A Komersial
- B Dagangan
- C Kawalan
- D Terancang

39 Apakah kesan pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu?

- A Penduduk bersatu padu
- B Peningkatan sumber pertanian
- C Menggalakkan kerjasama kaum
- D Menyemarakkan semangat kebangsaan

40 Rajah 4 merujuk kepada keadaan Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun.




Rajah 4

X adalah

- A Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA)
- B Pentadbiran Tentera British (PTB)
- C Parti Komunis Malaya (PKM)
- D Kesatuan Melayu Muda (KMM)

41 Rajah 5 menunjukkan tujuan penubuhan Malayan Union 1946.



Rajah 5

X adalah

- A mempertahankan Tanah Melayu
- B memajukan ekonomi orang Melayu
- C memperkembangkan perindustrian
- D persiapan ke arah berkerajaan sendiri

[Lihat halaman sebelah

SULIT


42

“Beta telah diberi kata dua dengan mulut dengan masa yang dihadkan dan jikalau beta menolak daripada menurunkan tandatangan pengganti beta yang akan menurunkan tandatangannya akan dilantik.

Ibrahim Mahmod, 1981
Sejarah Perjuangan Bangsa

Mengapakah rasa tidak puas hati tersebut disuarakan?

- A Pengenalan jus soli
 - B Pembesar hilang kuasa
 - C Kedudukan raja-raja Melayu terancam
 - D Keistimewaan orang Melayu diabaikan
- 43 Rajah 6 merujuk kepada perubahan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu.



Rajah 6

Apakah punca utama perubahan tersebut berlaku?

- A Desakan pedagang Eropah
 - B Menangani masalah kemiskinan
 - C Orang Melayu menggunakan kekerasan
 - D Kesederhanaan sikap orang Melayu
- 44 Mengapakah komunis gagal mempengaruhi orang Melayu di Tanah Melayu?
- A Menyokong kegiatan kongsi gelap
 - B Bertentangan dengan adat resam
 - C Tiada keuntungan dari segi ekonomi
 - D Memperjuangkan negara republik
- 45 Maklumat berikut merujuk kepada tindakan British semasa darurat di Tanah Melayu.

Pada pertengahan tahun 1950-an lebih 400, 000 orang Cina telah ditempatkan di 400 buah kampung baru.

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- A Membanteras kongsi gelap
- B Melemahkan pergerakan komunis
- C Memajukan kegiatan ekonomi
- D Menyeragamkan penempatan kaum

[Lihat halaman sebelah


- 51 Peta 1 menunjukkan lokasi pilihan raya Majlis Bandaran dan Negeri di Tanah Melayu antara tahun 1951 hingga 1954.



Peta 1

Apakah kepentingan diadakan pilihan raya?

- A Menjamin kestabilan politik
 - B Peluang pekerjaan bertambah
 - C Peluang rakyat memilih pemimpin
 - D Memulihkan kedaulatan raja Melayu
- 52 Rajah 8 berikut berkaitan tugas sebuah suruhanjaya.



Rajah 8

Apakah X?

- A Suruhanjaya PBB
 - B Suruhanjaya Ahli
 - C Suruhanjaya Reid
 - D Suruhanjaya Merdeka
- 53 Rombongan Merdeka telah kembali ke Tanah Melayu pada 20 Februari 1956 dan disambut dengan meriah dalam perhimpunan besar-besaran.
- Di manakah perhimpunan tersebut diadakan?
- A Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
 - B Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
 - C Carcosa Seri Negara, Kuala Lumpur
 - D Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 54 Rajah 9 menunjukkan perubahan gelaran ketua pentadbir di Tanah Melayu.



Rajah 9

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Kemerdekaan negara
 B Campur tangan kuasa luar
 C Memenuhi kehendak rakyat
 D Menggalakkan penubuhan parti politik
- 55 Dialog berikut mungkin berlaku di Sarawak pada tahun 1946.

Pembesar Iban	: Charles Vyner Brooke bersetuju menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.
Pembesar Melayu	: Apa! Nampaknya Raja Putih telah memungkir janji kepada kita.

Apakah janji yang dimaksudkan dalam dialog tersebut?

- A Hak berkerajaan sendiri
 B Bantuan dalam bidang ekonomi
 C Anthony Brooke tidak dilantik
 D Membina lebih banyak sekolah
- 56 Senarai berikut berkaitan tindakan British di Sarawak.

- Menggalakkan penubuhan Young Malay Association
- Melaga-lagakan orang Melayu dengan orang Dayak

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Kemasukan kuasa Barat
 B Kepimpinan tempatan terjejas
 C Perkembangan ekonomi terbantut
 D Gerakan antipenyERAHAN semakin lemah

57

Negeri	Tokoh
Sarawak	Rosli Dhobi
Perak	Dato' Maharaja Iela

Apakah persamaan kedua-dua tokoh di atas dalam sejarah negara kita?

- A Mempertahan kedaulatan negeri
 B Mengasaskan sekolah vernakular
 C Menyatukan pelbagai kaum
 D Menubuhkan parti politik

[Lihat halaman sebelah

58 Mengapakah negara-negara Barat berikut menyokong penubuhan gagasan Persekutuan Malaysia?

- Britain
- Amerika Syarikat

- I Mempercepat proses kemerdekaan
- II Menjamin kepentingan pelaburan
- III Memupuk perpaduan kaum
- IV Melemahkan perjuangan komunis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

59 Petikan berikut merujuk pendirian penduduk di Sabah dan Sarawak

".... Pada kesimpulan saya, kebanyakan rakyat kedua-dua wilayah itu (Sarawak dan Sabah) setelah memikirkan segala-galanya ini dan mereka ingin bersatu dengan rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura..."

Laporan Setiausaha PBB, U Thant

Apakah kesan laporan tersebut?

- A Penubuhan Malaysia
- B Penyingkiran Singapura
- C Pemberontakan Brunei
- D Pelaksanaan Pilihanraya

60 Poster berikut telah digunakan semasa peristiwa Konfrontasi Indonesia – Malaysia dari 1963 hingga 1966.



Apakah iktibar daripada kempen tersebut?

- A Menghargai tradisi budaya negara
- B Bekerjasama memantapkan ekonomi negara
- C Bersatu mempertahankan kedaulatan negara
- D Mempunyai wawasan dalam peperangan